## Bahagian A

[30 *markah*]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada permainan tradisional di negara ita. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan mengekalkan permainan radisional dalam masyarakat.** Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 350 patah perkataan.**

**PERMAINAN TRADISIONAL**



Permainan congkak



Permainan wau



Permainan gasing



Permainan sepak raga



Permainan guli

**[Lihat sebelah**







## Bahagian B

**[100 markah]**

***(Masa dicadangkan:** 1 Jam 30 minit)*

*Pilih* **satu** *daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **melebihi 350 patah perkataan.**

1 Perpaduan merupakan elemen penting dalam sebuah negara majmuk. Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Selaku anggota masyarakat yang prihatin, anda ingin menulis rencana tentang perkara tersebut untuk disiarkan dalam sebuah akhbar tempatan.

Tuliskan rencana itu dengan lengkap.

2 Sejak akhir-akhir ini, gejala ragut semakin berleluasa dalam masyarakat . Hal yang membimbangkan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai punca.

Huraikan pendapat anda tentang punca-punca gejala ragut.

3 Industri desa merupakan sektor ekonomi yang berpotensi untuk dikembangkan.

Bincangkan kepentingan dan langkah memajukan industri tersebut.

4 Bencana alam yang berlaku di seluruh dunia memberi kesan kepada penduduk dan negara yang terlibat.

Beri pendapat anda tentang pernyataan tersebut.

5 Anda berpeluang menonton satu pementasan drama. Berdasarkan pementasan tersebut, terdapat aspek-aspek yang menarik perhatian anda.

Ulaskan aspek-aspek yang menarik perhatian anda.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## Soalan 1: Rumusan
[30 *markah*]

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang* **langkah- langkah melestarikan alam sekitar** dan **faedah-faedahnya.** *Panjang rumusan hendaklah* ***tidak melebihi 120 patah perkataan.***

Kesedaran tentang kepentingan alam sekitar masa kini lebih luas dan mendalam berbanding dengan satu dasawarsa yang lalu. Kemajuan besar dalam bidang ini banyak mendatangkan perubahan dalam pelbagai kegiatan manusia yang memberi sumbangan terhadap kebaikan alam sekitar. Justeru, Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut pada setiap tahun merupakan peluang bagi semua pihak, terutama rakyat untuk meningkatkan kesedaran tentang isu- isu alam sekitar. Hal ini demikian keran isu alam sekitar tidak dapat ditangani secara sendirian oleh mana- mana bahagian masyarakat, sebaliknya memerlukan kerjasama daripada semua pihak.

Kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat amat penting dalam mencegah segala permasalahan ini. Senario yang dapat dilihat kini ialah masyarakat tidak prihatin tentang masalah ini dan kurang kesedaran sivik. Seseorang yang menghargai kehidupan dan mengingini persekitaran selesa, bersih dan selamat seharusnya mempunyai perasaan hormat terhadap alam sekitarnya dan tidak bertindak dengan sewenang- wenangnya sehingga dapat menjejaskan hidupan lain di alam ini.

Masyarakat pada umumnya hanya prihatin terhadap masalah alam sekitar yang berlaku dalam lingkungan kawasan mereka tetapi tidak mengendahkan pencemaran alam yang terjadi di luar kawasan itu. Kebelakangan ini sudah ada dalam kalangan pihak industri dan teknokrat yang menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pemuliharaan alam sekitar. Pada masa ini, usaha untuk mendidik orang ramai supaya mempunyai kesedaran kepentingan alam sekitar dilaksanakan secara berterusan oleh kerajaan dengan memberikan tumpuan terhadap generasi muda. Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama agensi- agensi lain juga melatih para guru dan ahli- ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menyebarkan pengetahuan ini.

Tegasnya, pemuliharaan alam sekitar bukan tugas eksklusif Jabatan Alam Sekitar atau agensi kerajaan yang berkaitan semata- mata. Orang ramai juga perlu tampil bagi memberi sumbangan yang termampu. Justeru, kita memerlukan masyarakat yang prihatin bahawa mereka tidak sepatutnya mengotori parit, sungai dan laut. Kita juga memerlukan pemikir dan penulis yang sering mengingatkan masyarakat tentang hal ini. Perkara yang paling penting ialaah kita memerlukan pemimpin yang penuh komitmen untuk memelihara alam sekitar kita. Perjuangan bersama- sama ini haruslah dilakukan *dengan penuh rendah diri* kerana kita bukan ingin menjadi wira, sebaliknya ingin lebih ramai individu yang peka akan masalah yang menimpa alam sekitar kita.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Melestarikan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama*, oleh Hj. Samat Buang, *Fokus*. April 2002)





## Soalan 2: Pemahaman
(*35 markah*)

**Soalan 2 (a) Petikan Umum**

Berdasarkan petikan soalan 1 di atas, jawab soalan- soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *dengan penuh rendah diri*? [2 *markah*]

(ii) Bagaimanakah sikap masyarakat terhadap alam sekitar? [3 *markah*]

(iii) Pada pendapat anda, mengapakah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar amat penting dalam kehidupan manusia? [4 *markah*]

## Soalan 2 (b) Petikan Prosa Moden

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

UMAR : (*Perlahan, penuh keyakinan*) Kita masih muda. Masa depan kita terlalu banyak. Piah. Kalau benar kita mengasihi satu sama lain, kita selalu merelakan. Kau mesti rela bersamaku ke mana-mana sahaja, sebab aku memerlukan kau. Hatiku ada padamu dan hatimu ada padaku. (*Suaranya semakin perlahan, tapi penuh kekuatan pendirian yang tidak berganjak*) Dan hati itu jangan dijarakkan oleh apa-apa sahaja. (*Safiah tiba-tiba sedar seluruh erti kata-kata kekasihnya, lantas menangis menutup mukanya dengan kedua-dua belah tangannya*).

UMAR : (*Suaranya lembut, tapi masih tidak bergerak atau menyentuh Safiah*) Aku tahu ayahmu selalu menyebut soal di luar negeri. Mungkin maksudnya baik, tapi lebih baik lagi kalau kita mengisi tenaga yang kurang. Terlalu banyak mahasiswa melayu menjadi MCS. Jawatan itu bagus, asal sahaja kita dapat melaksanakannya untuk pembangunan masyarakat kita. Tapi jangan semua tenaga dicurahkan kepada satu lapangan sahaja. Sebab itulah aku suka jadi guru, lapangan yang kurang diperhatikan oleh mahasiswa kita. (*Bermenung sedikit kesal*) Kalaulah aku bagus dalam sains dulu....

SAFIAH : (*Mengangkat mukanya, berkata tersedu-sedu*) Aku sayang padamu Mar! Masuklah sahaja, aku ikut kau. Piah ikut ke mana-mana sahaja.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada drama *Serunai Malam* oleh Usman Awang dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Nyatakan alasan Umar ingin menjadi guru? [2 *markah*]

(ii) Mengapakah akhirnya Safiah bersetuju dengan kehendak Umar? [4 *markah*]

(iii) Jelaskan **satu** perwatakan Umar dalam petikan dan **dua** perwatakan daripada keseluruhan cerpen . [3 *markah*]





## Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik

*Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Maka Termenggung Muar *menyerah akan bicara* kepada Laksamana. Maka, Laksamana pun mencari orang yang membawa anak raja itu. Dan ada nakhoda, orang Minangkabau, Nahkoda Malim namanya dan bersahabat dengan Laksamana. Maka Laksamana pun fikir, "Baiklah aku akan berikan anak raja ini, boleh dibawanya Laksamana pun memanggil Nahkkoda Malim. Dan Laksamana pun berkhabar kepada Nahkoda mengatakan segala rahsianya, dan ceritanya (bahawa)anak-anak raja itulahPutera Mahrum Mangkat Dijulang. " Dan anak raja inilah, sahaya mintak tolong peliharakan baik-baik. Dengan mudah-mudahan, Allah taala beri, dapat beruntunglah nahkoda." Dan Nahkoda Malim pun terlalu suka. Maka Nahkoda Malim pun menerimalah bicara.

Maka Nahkoda Malim pun bersiap perahu. Setelah siap itu perahu, maka anak raja pun diambil oleh Nahkoda Malim, dan lalu dibawa belayar masuk ke negeri Jambi.

(Dipetik daripada "*Asal Usul Raja Kecil*" dalam Antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Apakah maksud rangkai kata *menyerahkan akan bicara* berdasarkan petikan tersebut? [ 2 *markah* ]

(ii) Nyatakan tindakan yang dilakukan oleh Laksamana? [ 3 *markah* ]

(iii) Jika anda Nahkoda Malim, apakah yang anda akan lakukan terhadap anak raja tersebut? [ 3 *markah* ]

**(d) Petikan Puisi**

*aca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

MANUSIA DAN KESEJAHTERAAN

Kelelahan kita semakin parah dan tenat
Beserta kekejaman mengatasi kedamaian
Titik pertemuan menjadi tentangan
Tak siapa mau beralah.

Saat ini siapa lagi sanggup bersemboyan
Janjikan harapan semanis janji orang bercinta
Setiap pembicaraan tanpa persatuan
Kejujuran mati di hati.

Hari ini tak payah parau bertanya
Ketuaan dunia akan tenggelam juga
Dalam kebodohan manusia
Yang kian bermuka dua.

Demi kelak dewasanya anakku
Kau bikinlah perhitungan sendiri
untuk menjengah neraka kecintaan manusia
mencucuri bahan api neraka.

Tambah mengimbau sorotan kitab MUHAMMAD!
Tambah mengimbau sosrotan kitab ESA!
Hanya kesejahteraan membunga api

**Salmi Manja**
Antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

) Berikan maksud baris *kejujuran mati di hati* dalam sajak di atas. [ 2 *markah* ]

i) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mewujudkan keamanan dunia? [ 4 *markah* ]

ii) Huraikan pengajaran-pengajaran yang terdapat dalam puisi di atas. [ 3 *markah* ]





## Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 *markah*]

Jawab *semua* soalan

(*a*) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap kata di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan kata itu sebagai peribahasa dan nama khas.*

i. bulat
ii. bulat - bulat
iii. mentah
iv. mentah - mentah
v. para
vi. para - para

[6 *markah*]

(*b*) *Baca ayat di bawah dengan teliti kemudian nyatakan subjek dan predekit ayat tersebut.*

(i) Amat rajin dan cekap pegawai perhubungan syarikat itu.

(ii) Pembangunan ekonomi memerlukan sumbangan daripada masyarakat.

(iii) Berkejar-kejaran kanak-kanak itu di padang.

[6 *markah*]

(*c*) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat* ***satu kesalahan ejaan*** *dan* ***satu kesalahan penggunaan imbuhan****. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

(i) Longgokan botol bekas minuman di perkarangan rumah dikenalpasti sebagai punca pembiakan nyamuk aedes.

(ii) Persembahan bunga api yang mengkagumkan itu telah menarik ribuan penonton dari pelusuk negara.

(iii) Ketua jabatan telah mengsahkan pelantikan Encik Badrul secara resmi.

[6 *markah*]

) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu* ***kesalahan penggunaan kata atau istilah*** *dan* ***satu kesalahan tatabahasa.*** *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Beberapa pelajar lelaki telah ditahan oleh guru disiplin kerana memakai seluar yang padat.

(ii) Sektor pertanian kini bukan lagi aktiviti ekonomi cara hidup kaum petani semata-mata tetapi mampu memberikan pulangan lumayan kepada dia yang mengusahakan.

(iii) Salah seorang daripada pesakit yang menghadapi selesema burung telah dibenarkan pulang.

[6 *markah*]

) *Baca peribahasa yang diberikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan* ***tiga*** *peribahasa atau kata-kata hikmat yang memberikan maksud yang sama dengan peribahasa yang diberi.*

(i) Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

(ii) Bagaimana acuan begitulah kuihnya

(iii) Bagai aur dengan tebing

[6 *markah*]



**Soalan 4 : Novel**

[*15 markah*]

*Jawab* **kedua-dua** *soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang pernah anda pelajari.*

(i) *Bukit Kepong* karya Ismail Johari

(ii) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain

(a) Setiap novel mempunyai teknik penceritaan yang tersendiri. Nyatakan teknik suspen dan kejutan berdasarkan sebuah novel yang anda kaji.

[ 7 *markah*]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, bandingkan satu watak sampingan yang terdapat dalam novel-novel tersebut.

[8 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**